



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Pelan Pembangunan
Pendidikan Malaysia
2015 - 2025
(PENDIDIKAN TINGGI)



www.moe.gov.my

Lonjak taraf pendidikan tinggi

» PPPM (PT) mampu ubah sistem pembelajaran sedia ada

Oleh Haryanti Ahmad Rodzi
tuty@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), bakal melonjakkan taraf pendidikan tinggi negara selaras dengan keadaan semasa.

Penyandang Kursi Kepemimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak, berkata ini kerana pelan itu mampu mengubah sistem pembelajaran sedia

ada supaya sesuai dengan kehendak semasa.

Katanya, sistem pembelajaran sedia ada perlu lebih berkualiti dan mengikut kesesuaian, sekali gus mampu memenuhi hasrat kerajaan mencapai status negara maju.

PPPM (PT) dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada Selasa ini.

"Kita tidak mahu melahirkan graduan yang belajar hanya untuk mendapatkan segulung ijazah dan pekerjaan, tetapi kita mahu graduan yang berkualiti dan mampu memimpin negara pada masa akan datang.

"Oleh itu, penting supaya sistem pendidikan tinggi negara ditambah baik mulai sekarang, supaya dapat melahirkan graduan yang mampu menangani apa sahaja cabaran," katanya.

Kurang pendedahan

Dzulkipli berkata, pelajar sekarang mempunyai potensi untuk

berjaya pada peringkat tertinggi, tetapi mungkin kurang pendedahan menjadi antara sebab mereka masih belum berjaya pada peringkat antarabangsa.

Beliau mengakui, penyertaan pelajar negara ini di luar negara masih terhad seperti pertandingan debat dan seminar.

"Sebab itu mereka perlu mempunyai keyakinan yang tinggi dan paling penting diberi pendedahan mulai sekarang," katanya.

Beliau berkata, kebolehpasaran graduan penting, tetapi lebih bermakna jika mereka mempunyai nilai dan memenuhi keperluan pasaran.

Mengenai strategi Kementerian Pendidikan bagi memastikan Pembelajaran Sepanjang Hayat menjadi sebahagian budaya hidup masyarakat, Presiden Persatuan Universiti Antarabangsa itu berkata, pembelajaran perlu dimulakan sejak tadika.

Katanya, ini bagi memastikan golongan itu 'bijak menghargai

ilmu diberikan, seawal usia muda.

"Jika mereka didedahkan terhadap ilmu sejak kecil, mereka pasti merasakan mudah untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang timbul.

"Saya yakin, semakin bertambah ilmu di dada seseorang individu itu, mereka akan semakin merendah diri," katanya.

Justeru, katanya, semua lepasan sekolah perlu mengambil peluang melanjutkan pendidikan terutama di institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, kerajaan sentiasa berusaha membantu mereka yang memerlukan, termasuk menawarkan bantuan kewangan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"Semua orang layak mendapat pendidikan yang baik di negara ini dan perlu menukar persepsi bahawa pendidikan yang baik hanya untuk mereka yang mampu," katanya.



"Kita tidak mahu melahirkan graduan yang belajar hanya untuk mendapatkan segulung ijazah dan pekerjaan, tetapi kita mahu graduan yang berkualiti dan mampu memimpin negara pada masa akan datang"

Dzulkipli Abdul Razak,
Penyandang Kursi
Kepemimpinan Islam USIM